



KEBANYAKAN kawasan tanah tinggi di Malaysia seperti Cameron Highlands terkenal dengan penanaman teh yang bermutu tinggi. – Gambar hiasan

Suasana dingin sudah mula bertukar bahang

Kesmu iliklah 1/2/11

Info Iklim Tanah Tinggi

Bukit Bendera, Pulau Pinang

Bulan	Suhu (°C)		Kelembapan (%)			
	Purata harian		Rekod		Purata harian	
	8 pg	2 ptg	Tinggi	Rendah	Min	Mak
Jan	20.3	25.5	32.0	15.4	86	66
Feb	20.8	25.9	31.6	13.0	88	68
Mac	21.2	25.5	32.2	15.4	88	74
Apr	22.1	25.0	31.4	15.0	89	81
Mei	22.4	24.8	32.0	13.5	89	83
Jun	22.1	24.4	30.0	13.0	87	82
Jul	21.8	24.0	29.5	15.4	88	81
Ogo	21.7	24.0	29.2	12.5	89	83
Sep	21.5	23.7	29.2	13.5	91	84
Okt	21.3	24.0	29.0	12.0	91	83
Nov	21.3	24.5	31.5	14.2	87	79
Dis	20.5	24.7	31.0	17.0	88	74

Cameron Highlands, Pahang

Bulan	Suhu (°C)		Kelembapan (%)			
-------	-----------	--	----------------	--	--	--

Bukit kita kian panas

Fokus

Oleh AMREE AHMAD dan SHANIKA ABDULLATIB

ahad@kosmo.com.my

SABAN awal pagi, Muhammad Farid Saad seperti biasa memandu kereta Volkswagen miliknya untuk meninjau masalah penduduk tempatan di sekitar pekan kecil Balik Pulau.

Wakil rakyat Barisan Nasional yang kawasannya meliputi sebahagian daerah Barat Daya di Pulau Pinang itu sering melalui Bukit Genting.

Tempat peranginan terletak di puncak bukit ini sebenarnya cukup popular di kalangan pelancong kerana terkenal dengan buah pala selain keenakan raja buah, durian Balik Pulau. "Lazimnya waktu lepas subuh, kawasan ini yang menjadi sempadan dengan daerah Timur Laut agak berkabus tebal macam kita berada di negara empat musim pula," katanya.

Bayangkan suasana Jalan Tun Sardon menghubungkan pekan itu dengan ibu negeri Pulau Mutiara, George Town memang sejuk hingga pemandu terpaksa menyalakan lampu.

Malah bukan aneh melihat kereta tersadai di bahu jalan kerana enjin tidak cukup 'lasak' berbanding laluan alternatif yang lebih jauh merentasi Teluk Kumbar atau Teluk Bahang.

"Itu cerita dulu tetapi kini makin kurang dirasai bahkan ada mendakwa mereka mandi 'peluh' walhal belum masuk tengah hari," katanya mengimbau sua-



SITUASI dingin ala iklim England menjadikan Bukit Fraser sejak sekian lama menjadi pilihan pelancong untuk bercuti. - Gambar hiasan

sana tempat tersebut.

Pengalaman Muhammad Farid turut dikongsi Penasihat Persatuan Penduduk Bukit Bendera, Ahmad Chik yang menetap di kawasan peranginan terna-ma itu sejak 1970-an lagi. Bukit yang terletak 830 meter dari paras laut dan diteroka penjajah Inggeris pada 1789 dengan nama asal Flagstaff Hill itu, hari ini malah menyamai pula suhu di kawasan rendah.

"Rekod paling sejuk di sini ialah 12 darjah Celsius sekitar Oktober pada awal 1970-an lalu namun sekarang suhu terendah secara purata ialah 20.3 darjah Celsius," tambah beliau.

Itupun dicatatkan pada awal pagi dan selepas itu, suhu bukit yang pernah dikenali sebagai Penang Hill itu berlegar 25 darjah Celsius dan pernah mencecah rekod terpanas 32.2.

Peningkatan suhu ujar Ahmad, kemungkinan besar dipengaruhi suasana

persekitaran bukit itu yang semakin hilang 'kehijauan' akibat banyak projek pembangunan dijalankan.

"Lihatlah kaki bukit terutama di Air Itam dan Paya Terubong yang padat dengan pelbagai projek pembinaan hartanah tetapi tiada siapa peduli isu pemanasan global di sini," katanya kesal.

Keadaan diburukkan lagi dengan aliran arus udara panas dari tengah perairan selat sempit di Pelabuhan Pulau Pinang yang 'terkepung' lalu ia terpaksa naik terus ke atas puncak Bukit Bendera.

Keadaan sama turut diakui Koordinator Pengawal Hutan di Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, K.S. Durei namun dia menjelaskan, kawasan tersebut belum lagi sampai ke peringkat panas.

"Ada pengunjug kata bukit ini kurang sejuk berbanding sedekad lalu tetapi saya yakin situasi masih

terkawal dan senario panas kini cuma fenomena jangka pendek," katanya.

Terletak 1,524 meter dari paras laut, Bukit Fraser di Pahang itu pernah mencatatkan suhu terendah 13.6 darjah Celsius namun hari ini secara purata berkisar 17.5 darjah Celsius.

Paling panas pun 23 darjah Celsius meskipun bukit itu ada merekodkan suhu tertinggi hampir 29 darjah Celsius pada sekitar musim kemarau Jun dan Julai beberapa tahun lalu.

Mujur Bukit Fraser terletak di utara Banjaran Titiwangsa dan bersebelahan dengan selatan Gunung Berinchang yang menempatkan kawasan peranginan Cameron Highlands.

"Mungkin faktor kurang projek pembangunan besar di Kuala Kubu Baru, Selangor yang menjadi pintu masuk utama ke bukit ini membolehkan suhu kawasan di sini masih lagi dingin," ujarnya.

	Purata harian		Rekod		Purata harian
	8pg	2ptg	Tinggi	Rendah	
Jan	17.2	21.4	25.7	10.9	84
Feb	17.6	22.4	27.4	10.0	83
Mac	18.2	23.0	26.6	11.6	84
Apr	18.7	23.4	27.0	13.4	91
Mei	18.7	23.2	27.9	14.2	92
Jun	18.4	22.8	26.5	13.4	90
Jul	18.0	22.4	26.6	13.5	90
Ogo	17.8	22.0	25.6	13.6	91
Sep	17.7	22.0	26.5	13.1	92
Okt	17.6	21.8	26.2	13.3	93
Nov	17.6	21.7	26.1	12.0	93
Dis	17.2	21.1	25.7	12.1	92

Bukit Fraser, Pahang

Bulan	Suhu (°C)				Kelembapan (%)	
	Purata harian		Rekod		Purata harian	
	8pg	2ptg	Tinggi	Rendah	Min	Mak
Jan	16.8	20.4	26.8	13.6	97	85
Feb	17.3	21.2	27.8	14.2	97	81
Mac	17.9	22.0	26.8	14.2	95	80
Apr	18.7	22.8	27.8	14.8	97	82
Mei	19.0	23.1	28.2	16.0	94	79
Jun	17.7	21.8	28.8	15.0	93	80
Jul	18.1	22.6	28.8	14.8	94	78
Ogo	18.0	22.3	28.0	15.1	93	78
Sep	18.0	22.2	28.2	14.8	92	79
Okt	18.2	22.0	27.4	15.0	93	80
Nov	18.0	21.1	26.4	14.4	95	84
Dis	17.2	20.2	25.6	14.2	96	86

Bukit Larut, Perak

Bulan	Suhu (°C)				Kelembapan (%)	
	Purata harian		Rekod		Purata harian	
	8pg	2ptg	Tinggi	Rendah	Min	Mak
Jan	18.9	23.1	28.6	12.4	87	82
Feb	19.0	23.2	29.3	11.2	89	83
Mac	19.5	23.4	31.3	12.3	90	84
Apr	19.9	23.3	28.4	13.2	92	87
Mei	20.2	23.5	30.1	12.2	90	87
Jun	20.0	23.6	29.8	12.7	89	85
Jul	19.6	23.5	28.6	12.6	88	83
Ogo	19.5	23.4	29.0	13.0	89	82
Sep	19.4	23.0	28.6	14.0	90	85
Okt	19.4	23.0	28.6	14.0	91	86
Nov	19.5	22.8	29.5	14.0	91	87
Dis	19.2	22.8	28.2	13.1	88	84

Sumber: Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia